

• Sekiranya berlaku wabak (*outbreak*) pihak berkuasa adalah digalakkan untuk menghantar sampel tidak mengira spesis untuk tujuan surveyan.

• Semua individu atau kakitangan yang terlibat dengan kerja-kerja makmal dan pemusnahan anjing/ kucing perlu dan dinasihatkan untuk mendapatkan pelalian.

## TANGGUNGJAWAB ORANG AWAM

• Melaporkan setiap kes gigitan dengan segera kepada JPV dan hospital atau klinik yang berhampiran.

• Menjaga atau mengawal haiwan kesayangan dengan baik supaya tidak terdedah kepada haiwan terbiar. Mematuhi peraturan semasa mengimport anjing/ kucing atau spesis lain khususnya dari negara-negara yang tidak bebas dari penyakit Rabies.

• Menjalankan pelalian anjing dan kucing terhadap penyakit Rabies di kawasan immune belt area.

## Disinfeksi dan dekontaminasi

Prosedur-prosedur disinfektan dan dekontaminasi perlu dijalankan terhadap perkara-perkara berikut:

• Kawasan kandang

• Bekas makanan dan bekas minuman

• Pakaian kerja atau bahan berdasarkan kain

• Kenderaan

• Peralatan Ladang

## Jenis-jenis disinfektan yang sesuai

• Larutan 4% sodium karbonat-dehidrat

• Larutan 2% sodium hidroksida

• Asid sitrik 0.2% - untuk disinfek tangan

• Asid fosforik - disinfek badan selain muka

• Dettol, Lysol, Lindores



## UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

### Sila Hubungi:

Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62630 Putrajaya

Tel : 03-8870 2000  
Fax: 03-8888 6472

BILIK GERAKAN IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
DI TALIAN 03-88702041 ATAU MANA-MANA DVS NEGERI  
BERDEKATAN (SENARAI TALIAN DI DVS NEGERI)

### BIL DVS NEGERI (NAMA PENGARAH) NO. TELEFON

- |                              |              |
|------------------------------|--------------|
| 1. DVS NEGERI PERLIS         | 04-979 2600  |
| 2. DVS NEGERI KEDAH          | 04-730 5826  |
| 3. DVS NEGERI PULAU PINANG   | 04-504 1047  |
| 4. DVS NEGERI PERAK          | 05-546 1486  |
| 5. DVS NEGERI SELANGOR       | 03-5510 3900 |
| 6. DVS NEGERI SEMBILAN       | 06-762 9163  |
| 7. DVS NEGERI MELAKA         | 06-232 5103  |
| 8. DVS NEGERI JOHOR          | 07-266 7501  |
| 9. DVS NEGERI PAHANG         | 09-517 1090  |
| 10. DVS NEGERI TERENGGANU    | 09-622 1822  |
| 11. DVS NEGERI KELANTAN      | 09-765 2545  |
| 12. DVS W.PERSEKUTUAN KL     | 03-9284 9716 |
| 13. DVS W.PERSEKUTUAN LABUAN | 087-412 246  |
| 14. DVS NEGERI SABAH         | 088-287 400  |
| 15. DVS NEGERI SARAWAK       | 082-628 255  |

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
MALAYSIA

**penyakit  
rabies**



## PENGENALAN PENYAKIT

Rabies atau lebih dikenali "Penyakit Anjing Gila" merupakan penyakit zoonotik. Penyakit ini boleh menjangkiti haiwan atau manusia. Kes jangkitan pertama telah dikesan pada tahun 1925 di negeri Kedah. Penyakit ini disebabkan oleh Lyssavirus yang mampu menyerang sel otak dan menyebabkan gangguan sistem saraf serta boleh menyebabkan kematian sekiranya tidak dirawat dengan segera.

Malaysia kini diisyiharkan bebas penyakit Rabies sejak tahun 1997. Namun terdapat ancaman penyakit Rabies menerusi anjing, kucing dan lain-lain haiwan mamalia yang diseludup atau diimport dari negara terjangkit tanpa mematuhi prosedur import.

## KUINAN PENYAKIT

Jenis virus: **Lyssavirus dalam kumpulan Rhabdovirus**.

Selain anjing dan kucing mamalia lain termasuk hidupan liar seperti musang, kelawar boleh juga menjadi punca jangkitan pada haiwan dan juga manusia.

## CARA JANGKITAN

### Haiwan kepada haiwan

Haiwan terjangkit boleh merebakkan virus kepada haiwan lain melalui gigitan, cakaran, luka calar atau sentuhan lelehan air liur pada kulit yang terluka.

### Jangkitan pada manusia

Manusia boleh dijangkiti melalui gigitan, cakaran, luka calar atau sentuhan lelehan air liur pada kulit yang terluka dari anjing, kucing atau haiwan yang positif penyakit.



## TANDA-TANDA PENYAKIT

### Haiwan

- Gangguan mental (perubahan sikap) secara mengejut.
- Menjadi garang dan menyerang, mengigit, mencakar secara tiba-tiba ataupun bertindak ganas dengan sedikit provokasi.
- Berhenti daripada makan dan minum.
- Mencari tempat tarasing.
- Kerap kencing.
- Lumpuh & mati.



### Manusia

- Mengalami kesakitan pada tempat yang digigit dengan rasa kebas.
- Kulit menjadi lebih sensitif terhadap perubahan suhu dan udara bergerak (angin).
- Takut pada air (hydrophobia)
- Berasa tidak selesa/tidak boleh duduk diam.
- Bersikap ganjal atau tidak normal seperti biasa.
- Mengalami sawan.
- Mengeluarkan air liur yang banyak.



### Cara pengesanavirus

- Direct fluorescent test (dFA)
- RT-PCR
- Histologi

## KAWALAN DAN PEMBASMIAN

### Haiwan

- Pemusnahkan haiwan terjangkit
- Saringan tisu otak anjing dan kucing terbiar di seluruh negara.
- Mengendalikan kes-kes gigitan dengan berkesan (anjing / kucing) yang terlibat akan diperhatikan selama 10 hari dan sekiranya menunjukkan tanda-tanda penyakit, autopsi akan dilakukan dan sampel otak akan dihantar untuk pengesahan penyakit).
- Mengawal populasi anjing/ kucing yang terbiar.
- Memelihara haiwan kesayangan secara terkawal supaya tidak terdedah pada punca jangkitan.
- Pelalian terutamanya pada kawasan berisiko tinggi *immune belt area* sempada jiran.

### Manusia

- Rawatan segera (*first aid*) diberikan pada luka yang disebabkan oleh gigitan atau calar atau dengan mencuci menggunakan air bersih atau air dan sabun serta dirawat dengan ethanol atau iodine. Seterusnya menjalani rawatan segera di hospital atau klinik kerajaan yang terdekat.